MASJID CEMERLANG
Pelajaran Dari Surah Al-Fatihah

Muhammad Haniff Hassan

www.haniff.sg / ismhaniff@ntu.edu.sg

Objektif

- Faham asas kecemerlangan masjid
- Faham asas kecemerlangan dari surah Al-Fatihah

Asas Kecemerlangan Masjid

- Asas masjid cemerlang ialah manusia, bukan infrastruktur, teknologi, benda-benda dsbg
  - LPM
  - staf
  - jemaah / masyarakat

- Manusia yang baik, untuk manusia menjadi baik

- “Tidak mungkin orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah dalam keadaan mereka bersaksi atas diri mereka dengan kekufuran. Mereka itu telah musnah segala amal-amal dan di dalam neraka mereka kekal. Sesungguhnya yang dapat memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan tidak takut kecuali Allah. Moga-moga mereka itu menjadi di kalangan orang-orang yang mendapat hidayat.” (Al-Taubah:17-8)

- “Dan masjid yang didirikan atas takwa pada hari pertama ia dibina lebih berhak untuk engkau beribadat di dalamnya. Di dalamnya terdapat lelaki-lelaki yang suka untuk membersihkan diri. Dan Allah suka golongan yang membersihkan diri”(Al-Taubah:108)

- Objektif utama ialah
  - taqwa
  - zikrullah
  - pada penggerak, jemaah dan masyarakat

- “Dan masjid yang diasaskan atas takwa dari hari pertama ia dibina lebih layak untuk engkau beribadat di dalamnya”(Al-Taubah:108)

- “Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang.” (Al-Nur:36)

- Zikir paling besar ialah solat

- “…dan dirikanlah salat untuk mengingat Aku.” (Taha:14)

- “…dan dirikanlah salat. Sesungguhnya salat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (salat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadah-ibadah yang lain).” (Al-Ankabut:45)

- Nota sebagai tazkirah
  - jangan sibuk dengan kecantikan dan kecanggihan masjid, lupa membina manusia
  - cari orang yang mahir mencantikan dan mencanggihkan masjid, tapi tak tahu bina manusia
  - anjur pelbagai aktiviti, tapi hilang sudut takwa dan zikir

Bagaimana?

- Belajar dari surah Al-Fatihah
  - familiar = mudah faham dan ingat
  - selalu dibaca = penting
  - surah pertama Al-Quran = signifikan
  - Al-Fatihah memperkenalkan Tuhan kepada manusia dan bicara tentang hubungan Tuhan dan manusia
    > Allah contoh terbaik = pelajaran bagi kita berhubungan dengan manusia lain, bina nilai-nilai cemerlang dalam diri

- Allah kenalkan diri sebagai Maha Pengasih dan Penyayang lebih dahulu dari sifat-sifat lain (1:1)
  - sebut dua kali (1:3)
  - penting dan keutamaan sifat pengasih dan penyayang dari sifat-sifat lain
  - sesuai dengan konsep rahmat bagi sekelian alam
  - mesra kepada semua, tanpa gadai prinsip
  - nilai membentuk tingkah laku = Allah sebut sifat Dia dahulu, baru sebut tingkah laku Dia (cipta alam, berhubungan dengan manusia)

- Kasih sayang dulu, baru datang pujian dan kuasa (1:2)
  - pujian kerana sifat pengasih, bukan kerana kuasa
  - dikenali, hormati dan sukai kerana sifat kasih sayang, bukan kerana kuasa
  - dikasihi dan hormati, bukan ditakuti
  - masjid yang pengasih kepada semua

- Allah Rab Al-`Alamin (1:2)
  - Rab = pencipta dan pengurus alam = kompeten (ilmu dan kemahiran)
  - cemerlang mesti kompeten macam Tuhan
    > on time, on target
    > tidak cepat sesaat dan tidak lewat
    > semuanya pada kadar yang ditentukan = precision
  - tidak cipta alam untuk tujuan sia-sia = bermisi
  - kompeten sebagai manifestasi sifat kasih sayang
  - masjid yang kompeten tunaikan tugas dan amanah

- Setelah sifat kasih sayang dan kompeten, baru datang kuasa (1:4)
  - masjid dihormati kerana sifat pengasih dan kompeten, bukan kerana ada kuasa
  - adil dan accountable = ingat akhirat (1:4)

- Ubudiyah (1:5)
  - Tuhan disembah setelah kasih sayang, kompeten dan ada legitimacy = masjid pun sama
  - buat kerja kerana ibadah
  - pentingnya ketaatan
  - ibadah = ikut syariat = ikut aturan

- Isti`anah (1:5)
  - bukan hanya minta ketaatan/sokongan, tapi sedia berkhidmat
  - Tuhan sedia berkhidmat kepada hamba-hambaNya 24/7 = cemerlang
  - service quality
  - jangan tahu minta ketaatan/sokongan sahaja, tapi khidmat tidak seberapa

- Membimbing, bukan hanya menghukum atau beri arahan (1:6)

- Berprinsip (jalan yang lurus) (1:6)
  - jelas dan faham = ilmu mengenai jalan yang lurus = Islam
  - orang jahil agama, tidak boleh bimbing orang lain kepada kebaikan
  - bukan tahu yang betul, tahu juga yang salah (1:7)
  - jalan lurus dahulu, baru jalan yang sesat
  - seimbang antara kededuanya

- Berjemaah = bersama-sama mereka yang diberi nikmat (1:7)
  - pasukan yang baik dan soleh

- Al-Fatihah kait rapat dengan solat, solat di masjid kait rapat dengan berjemaah = pentingnya kesatuan
  - jangan jadi masjid yang macam parti politik = tempat bergaduh

Latihan

Bagaimana memanifestasikan konsep Islam agama rahmat dalam konteks masjid?

Diri	Organisasi	Khidmat (service)
• Attitude, mindset, approach, behavior etc.??	• Environment, system, image, etc??	• Type, standard, extent, management, etc.??

Bacaan Lanjut

- Membina Masjid Dalam Diri Kita, http://haniff.sg/artikel-pendek/membina-masjid-dalam-diri-kita/
- Asas Bagi Memakmurkan Masjid, http://haniff.sg/artikel-panjang/asas-bagi-memakmurkan-masjid/
- Asas Kepimpinan Masjid, http://haniff.sg/artikel-panjang/beberapa-faktor-asas-bagi-kepimpinan-masjid/
- Cadangan Bagi Pembaharuan Program Memakmurkan Masjid, http://haniff.sg/wp-content/uploads/2007/08/artikel-takmirmasjid.pdf

Contoh Rahmat Tuhan & Nabi

- “Dan tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di akhirat; sesungguhnya kami kembali (bertobat) kepada Engkau. Allah berfirman: ""Siksa-Ku akan Kutimpakan kepada siapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Maka akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami"".” (Al-A`raf, 156)

- “…..Dia telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang…” (Al-An`am, 12)

- “....Tuhanmu telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang, (yaitu) bahwasanya barang siapa yang berbuat kejahatan di antara kamu lantaran kejahilan, kemudian ia bertobat setelah mengerjakannya dan mengadakan perbaikan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (Al-An`am, 54)

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

  “Sesiapa yang datang dengan satu kebaikan, baginya sepuluh ganjaran yang seumpamanya atau Aku akan tambah. Dan siapa yang datang dengan satu kejahatan, maka balasan satu kejahatan, ialah satu kejahatan yang seumpamanya atau Aku akan mengampuninya. Siapa yang mendekatiKu sejengkal, Aku akan mendekatinya sehasta. Siapa yang mendekatiKu sehasta, Aku akan mendekatinya dua hasta. Siapa yang mendatangiKu berjalan, Aku akan mendatanginya berlari. Siapa yang bertemuKu dengan dosa sebesar bumi, tanpa mensyirikkan Aku, Aku akan bertemu dengannya dengan keampunan yang sama banyak.” (Riwayat Muslim)

- “Allah taala telah berfirman ‘Sesungguhnya kasih sayangKu mengatasi kemarahanKu.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

  “Allah taala telah berfirman ‘Seorang hamba telah berdosa. Lalu dia berkata ‘Ya Allah ampunkanlah dosaku’. Lalu Allah taala berfirman ‘HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa.’ Kemudian dia melakukan dosa lagi, lalu berkata ‘Ya Tuhanku ampunkanlah dosaku’. Lalu Allah taala berfirman ‘HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa.’ Kemudian dia mengulangi melakukan dosa, lalu berkata Ya Allah ampunkanlah dosaku’. Lalu Allah taala berfirman ‘HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa. Telah aku ampuni hambaku, maka lakukanlah apa yang dia kehendaki.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)*

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud
  "Di hari Kiamat seorang hamba akan didatangkan kepada Tuhannya sehingga diletakkan rahmatnya ke atasnya, lalu dilaporkan kepadanya dosa-dosanya. Lalu Allah taala berfirman 'Adakah kau mengaku dosa ini? Adakah kau mengaku dosa itu?'. Dia berkata 'Tuhanku, saya mengaku' Lalu Dia berfirman 'Sesungguhnya aku telah tutup dosa ini untuk kau di dunia, dan Aku ampunkan dosa kamu hari ini. Lalu diberi buku kebaikannya." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud
  "Demi jiwaku yang berada di tangannya, jika kamu tidak melakukan dosa, nescaya Allah akan menghapuskan kamu dan akan mendatangkan satu kaum yang melakukan dosa agar mereka dapat meminta keampunan kepada Allah dan Dia dapat mengampuni mereka." (Riwayat Muslim)

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud
  “Akan datang di hari Kiamat nanti, manusia-manusia dengan dosa seperti gunung-gunung. Allah mengampunkannya bagi mereka.” (Riwayat Muslim)

- Allah taala mengampunkan pembunuh 100 orang

- Allah taala mengampunkan perempuan lacur yang menolong seekor anjing

- Rahmat juga sifat utama Rasulullah s.a.w

- “Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.” (Al-Anbiya’, 107)
  - rahmat tujuan agama Islam

- “Telah datang kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu, berat ke atasnya apa yang menimpa kamu, amat perihatin terhadap kamu (untuk mendapat hidayah dan keampunan), terhadap orang-orang beriman, dia amat lembut dan pengasih.” (Al-Taubah : 128)

- “Allahumma ummati ummati (Ya Allah, ummatku, ummatku)” (Riwayat Muslim)

Terima Kasih
Moga Bermanfaat
Wassalam